

Teks Ucapan

**YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof
Menteri Kerja Raya**

**Majlis Perasmian Program MRT *Young Entrepreneurs
Programme II (MYEP II), Safety Supervisor Apprenticeship
Programme (SSAP)* dan Perantisan Kemahiran CIDB 2016**

18 Oktober 2016 (Selasa)

Hotel Double Tree By Hilton, Kuala Lumpur

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob

Ketua Setiausaha

Kementerian Kerja Raya

YBhg. Dato' Ahmad Asri Abdul Hamid

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia

Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin,

Para hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Sehati Sejiwa,

Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia-Nya, kita semua dapat hadir ke majlis yang penuh bermakna ini, iaitu Majlis Perasmian Program MRT *Young Entrepreneurs Programme II* (MYEP II), *Safety Supervisor Apprenticeship Programme* (SSAP) dan Perantisan Kemahiran CIDB 2016.

2. Hari ini, kita berbesar hati meraikan program kerjasama antara CIDB dan rakan-rakan industri dalam penganjuran program perantisan di sektor industri pembinaan. Program kerjasama sebegini merupakan sebahagian dari inisiatif lautan biru yang amat menepati agenda Kerajaan iaitu pendekatan secara *National Blue Ocean Strategy* (NBOS).

3. Melalui program ini, golongan belia negara akan memperoleh pengalaman sebenar ketika menjalani latihan dengan syarikat-syarikat yang mempunyai pengalaman melaksanakan projek-projek pembinaan berskala besar. Pengalaman sebegini akan dapat membina kemahiran, meningkatkan pengetahuan dan membentuk sahsiah serta keyakinan diri perantis. Ia akan memberi impak yang besar dalam perjalanan karier masing-masing terutamanya kemahiran melaksanakan sesuatu tugas dan cara penyelesaian masalah. Saya berharap agar peserta program

perantisan ini akan diberikan keutamaan untuk diambil bekerja dalam industri pembinaan dan seterusnya menjadi pemangkin kepada peningkatan produktiviti industri pembinaan negara.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Program Perantisan atau *Apprenticeship Programme* bukanlah sesuatu yang baru di negara luar. Program begini telah lama diperkenalkan dan telah mendapat sambutan yang sangat baik oleh pihak industri terutamanya di negara Jerman, United Kingdom, Korea, Kanada dan sebagainya. Di Malaysia, program sebegini juga telah dilaksanakan sebelum ini bagi sektor-sektor yang tertentu seperti sektor perkhidmatan dan sektor pembuatan. Oleh itu, program ini wajar diluaskan pelaksanaannya ke industri pembinaan.

5. Program MRT *Young Entrepreneurs Programme* II (MYEP II), *Safety Supervisor Apprenticeship Programme* (SSAP) dan Perantisan Kemahiran CIDB 2016 adalah antara usaha-usaha CIDB dalam membangunkan modal insan industri pembinaan demi mencapai tahap produktiviti yang tinggi, selaras dengan Program Transformasi Industri Pembinaan (*Construction Industry Transformation Programme* - CITP). Ini juga bersesuaian dengan strategi yang digaris dalam Rancangan

Malaysia KeSebelas (RMKe-11) melalui Teras Strategik 3 iaitu Meningkatkan Pembangunan Modal Insan Untuk Negara Maju.

6. CITP telah menetapkan sasaran penghasilan 5,000 perantis yang kompeten dalam tempoh 5 tahun bermula 2016 sehingga 2020. Selaras dengan ini, CIDB telah mengenalpasti kategori bidang kerja yang amat diperlukan oleh industri pembinaan iaitu bidang penyeliaan dan pengurusan, bidang kemahiran dan tidak dikecualikan juga bidang usahawan pembinaan. Oleh itu, setiap program perantisan yang dijalankan haruslah dilaksanakan dengan sempurna dan menepati objektif yang disasarkan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Baru-baru ini, Malaysia telah menganjurkan pertandingan *ASEAN Skills Competition 2016 (ASC)* kali ke-11 bertempat di MAEPS, Serdang. Ini merupakan pencapaian terbaik negara dalam pertandingan ASC iaitu dengan berjaya menjadi johan keseluruhan dengan kutipan pingat sebanyak 22 pingat emas, 4 pingat perak, 5 pingat gangsa dan 6 pingat kecemerlangan. Daripada pungutan pingat keseluruhan, 7 bidang kemahiran pembinaan yang diurusetikan oleh KKR telah memperolehi 7 pingat emas iaitu dalam bidang *Electrical Installations, Plumbing & Heating, Mechanical Engineering Design,*

Bricklaying, Welding dan Refrigeration & Air Conditioning, 2 pingat perak dalam bidang Electrical Installations dan Plumbing & Heating, 2 pingat gangsa dalam bidang Welding dan Bricklaying dan 1 pingat kecemerlangan dalam bidang Mechanical Engineering Design.

8. Pencapaian ini membuktikan bahawa Malaysia berusaha menuju ke arah *world class standard* dalam bidang-bidang kemahiran industri pembinaan untuk membangunkan ekonomi negara. Penglibatan Malaysia dalam pertandingan ASC ini adalah penting bagi membolehkan kualiti bidang-bidang kemahiran yang terdapat di negara ini mempunyai tanda aras berbanding dengan negara yang lain dan seterusnya menambahbaik kualiti latihan bidang-bidang kemahiran industri pembinaan selaras dengan kehendak pasaran antarabangsa dan tempatan. Sehubungan itu, peluang dan kerjasama antara pihak Kerajaan dan industri melalui pertukaran kaedah, teknologi dan proses pembuatan, dan perkhidmatan yang diamalkan ini adalah perlu bagi membolehkan negara dapat melahirkan pekerja mahir yang berkualiti secara berterusan kepada industri pembinaan tanpa mengharap tenaga kerja dari luar negara.

9. Langkah ini secara tidak langsung akan mengurangkan kebergantungan negara terhadap pekerja asing dan meningkatkan penglibatan pekerja tempatan dalam industri

binaan negara. Selain itu, beberapa program baharu telah diwujudkan diantara pihak kerajaan dengan industri bagi kerjasama aperiatis bidang kemahiran industri pembinaan. Di mana sebelum ini, pihak CIDB telah pun bekerjasama dengan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) di bawah Program Felo Pembinaan Malaysia.

10. Seramai 147 perantis telah ditempatkan di 13 syarikat ternama dalam industri pembinaan untuk mendapat pengalaman bekerja dan seterusnya diserapkan dalam bidang yang sesuai dengan kemahiran mereka. Sebelum ini, CIDB juga pernah bekerjasama dengan *Malaysian Mobile Crane Operators* (MMCOA) dengan melahirkan 10 perantis bagi tred Operasi Kren Bergerak (*Mobile Crane Operation*).

11. Program MYEP 2013 telah dijalankan dengan MRT Corporation Sdn. Bhd. untuk melahirkan kontraktor muda khusus dari golongan siswazah dalam pembinaan laluan-laluan *Mass Rapid Transit* (MRT). Sebagai kesinambungan, pada hari ini kita melancarkan program MYEP II yang bertujuan untuk terus melahirkan kontraktor muda yang akan terlibat dalam pembinaan laluan MRT 2.

12. Untuk program MYEP II, iaitu Program Khas Keusahawanan hasil kerjasama antara Perbadanan Usahawan

Nasional Berhad (PUNB), MRT Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.) dan CIDB, seramai 54 perantis berpeluang untuk menjalani latihan teori dan praktikal, di samping *on-job training* di bawah MMC-Gamuda. Latihan akan dijalankan bersama-sama pihak MRT Corp dan CIDB, manakala pembiayaan projek adalah daripada PUNB. Pembiayaan ini diberi kepada perantis yang telah dinilai oleh pihak MRT Corp. untuk melaksanakan sub-pakej kontrak kerja pembinaan untuk laluan MRT 2.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

13. CIDB Malaysia juga berkerjasama dengan PETRONAS Chemicals Groups Berhad untuk melaksanakan program perantis dalam sektor minyak dan gas. Program *Turn-around Up Skilling Apprenticeship* ini akan membuka peluang latihan dalam bidang *turn-around* terutamanya untuk pelatih jurusan *Mechanical Fitter* dari Akademi Binaan Malaysia (ABM).

14. Usahasama CIDB bersama syarikat yang bertaraf antarabangsa iaitu Lendlease Projects (M) Sdn Bhd dalam penganjuran *Safety Supervisor Apprenticeship Programme* (SSAP) yang melibatkan 150 perantis akan diberi *on-job training* dalam bidang keselamatan, kesihatan serta kemampanan alam sekitar. Pihak Lendlease adalah satu

syarikat antarabangsa yang terkenal dengan amalan terbaik dalam bidang pengurusan projek pembinaan, hartanah dan infrastruktur. Kerjasama ini dijangka mampu menerapkan amalan-amalan terbaik kepada perantis yang menyertai program ini.

15. Saya difahamkan bahawa para perantis dari program ini akan ditauliah sebagai *Site Safety Supervisor* oleh pihak Jabatan Keselamatan & Kesihatan (DOSH) dan mendapat *Yellow Book* sejurus tamat tempoh perantisan dengan pihak Lendlease. Pentauliahan *Yellow Book* ini akan dapat memastikan kebolehpasaran para perantis, kerana ia adalah satu penanda yang mereka kini mahir dalam bidang penyeliaan, terutamanya dalam hal-hal keselamatan tapak pembinaan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

16. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengumumkan bahawa CIDB sedang membangunkan satu Skim Perantisan (*Apprenticeship Scheme*) Industri Pembinaan yang akan dilancarkan bersempena *International Construction Week* (ICW 2017) pada bulan April tahun hadapan. Skim ini akan diguna pakai oleh penggiat industri sebagai garis

panduan serta rujukan dalam melaksanakan program perantisan yang berstruktur.

17. Kepada para belia yang telah dipilih untuk menyertai program-program perantis ini, saya berharap anda semua akan menggunakan peluang yang diberi untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran diri dalam bidang yang diceburi. Semoga program yang disediakan ini boleh dijadikan batu loncatan untuk pencapaian yang lebih tinggi di dalam kerjaya anda di dalam industri pembinaan negara.

18. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada MRT Corporation Sdn Bhd, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, Petronas Chemicals Groups Berhad, Lendlease Malaysia dan juga rakan-rakan kolaborasi CIDB yang lain kerana anda telah secara rasminya meneroka program perantisan untuk industri pembinaan negara seterusnya menjadi contoh kepada rakan-rakan industri yang lain. Sumbangan anda di dalam usaha ini amat besar maknanya kepada industri pembinaan, kerana program-program perantisan ini membawa manfaat yang signifikan yang akan melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran dan berkebolehan dan juga bakal-bakal usahawan pembinaan yang berkaliber.

19. Syabas saya ucapkan kepada semua syarikat ini yang menyokong usaha CIDB dalam memberi pendedahan industri kepada belia-belia yang telah mengikuti latihan di Akademi

Binaan Malaysia dalam pelbagai bidang. Saya berharap semoga lebih banyak syarikat dan agensi tampil untuk bersama-sama menjayakan matlamat ini pada masa hadapan. Tidak juga saya lupakan penglibatan pusat-pusat latihan kemahiran berkaitan pembinaan lain di seluruh negara juga adalah penting dalam menjayakan program perantisan ini. Penggembleran usaha dan kerjasama semua adalah penting bagi pembangunan industri pembinaan negara.

20. Dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya dengan ini merasmikan Program MYEP II, SSAP & Perantisan Kemahiran CIDB 2016.

Wabilahitaufik walhidayah wassalamulaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.